

# Najib: Ahli2 Umno jangan bercanggah sama sendiri

KUALA LUMPUR, Rabu

Ketidakstabilan politik Negeri Pahang yang disebabkan oleh percanggahan kiblat politik di kalangan para pemimpin akan berterusan selagi kepimpinan yang ada tidak berusaha mencari perpaduan.

Oleh yang demikian, setiap ahli UMNO perlu bergerak ke satu hala dan matlamat dan jangan hilang pedoman dan sering bercanggah antara satu sama lain.

Demikian, antara nasihat Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib Tun Razak ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk "Perkembangan dan Kesan Politik Pahang, Dulu, Sekarang dan Akan Datang" di Seminar Perpaduan Pahang di Universiti Malaya semalam.

"Walaupun Negeri Pahang luas dan jarak daerahnya jauh, tetapi janganlah itu menyebabkan kita berpisah antara satu sama lain.

"Kita harus menyatupadukan semua kumpulan kita baik orang politik, pihak pegawai mahupun orang perancangan. Dengan itu tidak akan timbul percanggahan sesama kita dan tenaga kita dapat diarahkan ke arah tujuan yang sama" tambahnya.

Walaupun tidak menjelaskan apakah yang dimaksudkan ketidastabilan politik Pahang, tetapi Datuk Najib mengakui terdapat percanggahan kiblat politik di belakakangan ini.

Mengambil kekecohan politik Pahang baru-baru ini sebagai penyebabnya, Datuk Najib Bakar mengatakan jawatan Menteri Besar merupakan satu tanggungjawab yang berat dan memerlukan perpaduan yang tinggi.

paduan politik di Pahang. Datuk Najib seterusnya menggesa pemimpin lama dan baru sama-sama berganding bahu menyelesaikan apa saja masalah demi mencapai matlamat yang sama.

"Tidak ada sebab pemimpin muda tidak boleh menyokong pemimpin lama semata-mata kerana dia pemimpin lama.

"Begitu juga tidak ada sebab mengapa pemimpin lama tidak boleh menyokong pemimpin muda kerana ia muda.

## Perseimbangan

"Apa yang harus dilakukan ialah perseimbangan antara pemimpin lama dan muda seiring sekata mencari formula yang boleh membawa Negeri Pahang kepada zaman keagungannya" ujar beliau.

Walaupun perbalahan politik Pahang agak serius, menurut Datuk Najib ia tidak meretakkan UMNO kerana sebagai sebuah negeri yang sudah lama "di UM-NOKAN, kepercayaan dan sambutan rakyat Pahang terhadap UMNO masih kuat.

Meskipun demikian, masalah politik ini tidak boleh dibiarkan berpanjangan kerana lazimnya politik yang retak hanya menunggu belah sahaja, tambah beliau.

"Sekiranya penyelesaian tidak dapat dibuat rakyat juga akan kecewa terhadap parti pemerintah kerana mereka mengharapkan pucuk pimpinan yang dapat menyelesaikan politik Pahang," katanya.

Datuk Najib menggesa semua golongan rakyat agar menyedari hakikat perpaduan politik kerana Pahang kini sedang berkembang pesat dan akan menjadi pusat segala kegiatan.